

<b>Headline</b>	<b>90,853 LED: Langkah penjimatan Pulau Pinang</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Utara)</b>		
<b>Date</b>	17 Jul 2018	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	160,000	<b>Readership</b>	509,000
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Page No</b>	<b>18</b>
<b>ArticleSize</b>	253 cm <sup>2</sup>	<b>Journalist</b>	N/A
<b>PR Value</b>	RM 5,316		



Jagdeep (empat, kanan) menunjukkan manifesto PRU14 Kerajaan Pulau Pinang bersama beberapa Adun dan Datuk Bandar MBPP, Datuk Yew Tung Seang (lima, kiri) dan Yang Dipertua MPSP, Datuk Rozali Mohamud (tiga, kanan), semalam.

## **90,853 LED: Langkah penjimatan Pulau Pinang**

**GEORGETOWN** - Kerajaan Pulau Pinang akan memasang 90,853 lampu jalan jenis diod pemancar cahaya (LED) bagi seluruh negeri ini menjelang 2020.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, jumlah itu melebihi daripada janji kerajaan negeri Pakatan Harapan dalam manifesto PRU14 lalu iaitu 20,000 lampu LED.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, 33,198 LED akan dipasang di bahagian pulau dan 57,655 di kawasan seberang bermula bulan ini.

"Pertukaran lampu biasa ke LED ini akan dibuat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Di bahagian pulau, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedang menyelenggarakan

16,636 lampu jalan yang mana, 7,135 telah siap ditukar ke LED. Bakinya, 9,501 dijangka siap pada Mei tahun depan.

"Sementara itu, TNB telah menukar 3,450 LED tahun ini dan 8,280 pada tahun hadapan. TNB akan menukar 4,832 lampu lagi menjelang 2020 menjadikan jumlah keseluruhan mereka menukar lampu di bahagian pulau adalah 16,562 buah," katanya kepada media semalam.

Jagdeep berkata, TNB akan menukar kesemua lampu berjumlah 45,279 di kawasan seberang menjadikan jumlah keseluruhan lampu ditukar adalah 57,655 buah.

"Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sedang menyelenggara 12,376 lampu manakala TNB, 45,279 buah menjadikan jumlah keseluruhan di kawasan seberang 57,655 lam-

pu. Ia dijangka akan siap ditukar ke LED menjelang 2020.

"Saya mohon MPSP berbincang dengan TNB untuk mengguna pakai kaedah yang diguna pakai di bahagian pulau diaplikasi di kawasan seberang. Oleh demikian, pada 2020 nanti, lampu jalan di seluruh Pulau Pinang akan dipasang lampu LED sepenuhnya," katanya.

Jelasnya, dengan pemasangan lampu LED tersebut, Kerajaan Pulau Pinang mampu berjimat sehingga 60 peratus dalam pembayaran bil elektrik setahun.

"Tahun lalu, MBPP membayar RM6 juta bil elektrik untuk lampu jalan manakala MPSP membayar RM7 juta. Oleh demikian, selepas kesemua lampu jalan ditukar ke lampu LED, kita mampu membuat penjimatan," katanya.